

Latar Belakang Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

1 Jawatankuasa berikut ditubuhkan pada bulan Julai 1946.

Jawatankuasa	Matlamat
X	Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apakah X?

- A Jawatankuasa Kerja
- B Jawatankuasa Rakyat
- C Jawatankuasa Eksekutif
- D Jawatankuasa Perlembagaan

2 Senarai berikut merupakan anggota Jawatankuasa Kerja.

- Wakil Raja-raja Melayu
- Wakil UMNO
- Pegawai kanan British


Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan?

- A Mengkaji isi kandungan Perlembagaan Rayat
- B Membincangkan kemerdekaan Tanah Melayu
- C Memujuk penduduk menerima Malayan Union
- D Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

3 Antara berikut, yang manakah merupakan cadangan daripada Jawatankuasa Kerja?

- I Seluruh Tanah Melayu dimerdekakan
 - II Syarat kewarganegaraan dilonggarkan
 - III Kedudukan Raja-raja Melayu dipulihkan
 - IV Kedudukan istimewa orang Melayu dipelihara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

4 Rajah berikut berkait dengan sistem pentadbiran di negara kita.



Apakah X?

- A Persekutuan
- B Wawasan
- C Gagasan
- D Ikatan

5 Antara berikut, yang manakah merupakan wakil Raja-raja Melayu yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Kerja?

- I Dato' Onn Jaafar
 - II Dato' Hamzah Abdullah
 - III Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud
 - IV Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6 Maklumat berikut merujuk kepada pertubuhan Melayu di Tanah Melayu.

Pertubuhan	Pemimpin
Gerakan Angkatan Muda	Aziz Ishak
Hizbul Muslimin	Abu Bakar al-Baqir

Apakah persamaan antara pertubuhan tersebut?

- A Menuntut pilihan raya umum
- B Membentuk perpaduan kaum
- C Menyekat kemasukan imigran
- D Menolak perjanjian persekutuan